



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(68)  
Tarikh: 9 FEBRUARI 2022

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

### **MAKLUMAN PELAKSANAAN KELAS GANTI SEMPENA TAHUN BARU CINA**

Untuk makluman semua, **Kelas Ganti akan diadakan pada 12 Februari 2022 (Sabtu)**. Murid-murid Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 6, semua murid di bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) serta murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 kumpulan A perlu hadir ke sekolah. Jadual waktu hari **Jumaat** dijalankan pada hari tersebut.

02. Sehubungan dengan itu, PIBG sekolah amat berterima kasih atas sumbangan ANGPAO Tahun Baru Cina daripada ibu bapa. Sebagai tanda terima kasih, PIBG akan memberi ANGPAO dan limau Tahun Baru Cina kepada semua murid pada hari Sabtu ini. Semoga semua murid sentiasa sihat dan selamat sepanjang tahun. Murid-murid adalah dibenarkan memakai pakaian Tahun Baru Cina atau pakaian yang bersesuaian untuk hadir ke sekolah pada hari berkenaan untuk meraikan Tahun Baru Cina. (Aktiviti akan dijalankan dalam kelas masing-masing)

03. Waktu pulang pada hari Sabtu ini akan diawalkan dan dibahagikan kepada dua peringkat. Murid-murid Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3 pulang pada pukul 11 pagi. Manakala murid Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 pulang pada pukul 11:15 pagi. Ibu bapa diminta supaya membawa anak pulang mengikut masa yang ditetapkan.

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.

**Selamat Tahun Baharu Cina! "GONG XI FA CAI"!**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"KITA JAGA KITA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**MOK SUN FU**

Guru Besar  
SK (C) Anglo Chinese,  
Kota Kinabalu.